



2 Mac 2012

3 nekad telan 2.5kg dadah

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

SEPANG: Tiga lelaki warga asing sanggup mengambil risiko menelan 191 ketulan syabu seberat 2.5 kilogram (kg) yang dibalut menggunakan kondom dan plastik dengan harapan dapat mengaburi pihak berkuasa negara ini.

Namun, cubaan mereka menyeludup masuk dadah bernilai RM626,500 itu dipatahkan sebaik melalui pemeriksaan kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Zainul Abidin Taib berkata, tiga lelaki terbabit ditahan secara berasingan selepas pengimbas di laluan pemeriksaan menunjukkan imej meragukan di dalam badan masing-masing.

Menurutnya, kes pertama membabitkan seorang lelaki warga Nigeria berusia 31 tahun yang tiba melalui sebuah pesawat dari Lagos-Dubai pada 16 Februari lalu.

"Dia dikehendaki melakukan pemeriksaan lanjut selepas pegawai kastam mendapati imej ketulan meragukan ketika imbasan badan dilakukan. "Pemeriksaan rapi mendapati lelaki itu menelan 66 ketulan dadah disyaki syabu seberat 1.056kg bernilai RM264,000. Dia didapati dua kali ke negara ini," katanya pada sidang media di Kompleks Kastam KLIA di sini, semalam. Zainul Abidin berkata, kes kedua membabitkan seorang lelaki warga negara berkenaan berusia 32 tahun yang menaiki pesawat dari Cameroon-Ethiopia-Bangkok sebelum tiba di KLIA dan ditahan pada jam 11 malam Sabtu lalu.

"Lelaki terbabit baru pertama kali ke Malaysia, namun dia ditahan pegawai kastam kerana pengimbas menunjukkan imej meragukan di dalam badannya. Pemeriksaan terperinci menemui 50 ketulan syabu seberat 1kg bernilai RM250,000.

"Semua ketulan itu kami perolehi melalui kaedah pembuangan air besar dan proses ini memerlukan masa kerana jika terlalai seketika, suspek boleh mengambil kesempatan melupuskan dadah itu," katanya. Beliau berkata, kes ketiga membabitkan seorang lelaki warga Iran berusia 27 tahun yang ditahan pada jam 8 pagi Ahad lalu sebaik tiba melalui sebuah pesawat dari Istanbul, Turki. "Apabila ditanya lelaki terbabit mengaku pelancong, namun dia disyaki membawa dadah selepas pegawai kami menyedari ketulan meragukan di dalam perutnya. "Pemeriksaan seterusnya mendapati dia menelan 75 ketul dadah seberat 450 gram bernilai RM112,500," katanya. Beliau berkata, ketiga-tiga lelaki terbabit kini ditahan reman selama 14 hari bagi menjalani siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mati mandatori.

Sementara itu, katanya, di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) pihaknya berjaya menangkap seorang lelaki warga India berusia 32 tahun Sabtu lalu kerana disyaki membawa dadah jenis ketamin.

"Pemeriksaan bagasi lelaki terbabit mendapati ada ketamin seberat empat kg, bernilai RM72,000. Dia direman 14 hari untuk siasatan lanjut," katanya.